



**SEGERA**

Ruj. Kami : KDN.KK.S.700-3/1/8 Jld.18 (1)  
Tarikh : **01** Oktober 2021

**Pengarah**  
**Syarikat Agensi Persendirian Yang Berdaftar di bawah Akta Agensi Persendirian 1971**

Tuan,

**PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN AGENSI PERSENDIRIAN UNTUK TAHUN 2022**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak tuan sedia maklum, lesen agensi persendirian syarikat kawalan keselamatan wajib diperbaharui pada setiap tahun sebelum 31 Disember 2021 mengikut peruntukan Seksyen 3 (4), di bawah Akta Agensi Persendirian 1971. Oleh yang demikian, permohonan pembaharuan lesen agensi persendirian bagi tahun 2022 boleh dilaksanakan **bermula pada 4 Oktober 2021**. Permohonan pembaharuan lesen yang **diterima selepas tarikh 31 Disember 2021 tersebut tidak akan diproses dan syarikat akan dikenakan tindakan pembatalan lesen dengan serta merta**.

3. Sebagai langkah penambahbaikan dan usaha untuk membantu pihak tuan memperbaharui lesen masing-masing, Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga akan mengadakan **Hari Bertemu Pelanggan sebanyak enam (6) sesi** yang dikhaskan kepada syarikat-syarikat untuk penyerahan dokumen permohonan pembaharuan lesen bagi tujuan pemeriksaan dokumen lengkap. Walau bagaimanapun, selain hari bertemu pelanggan pihak syarikat juga boleh mengemukakan dokumen pembaharuan lesen agensi persendirian di Bahagian Keselamatan, Aras 10, Blok D1, Kompleks D. Jadual Hari Bertemu Pelanggan adalah seperti di **Lampiran A**.


4. **Garis Panduan dan Senarai Semak** Pembaharuan lesen bagi tahun 2022 adalah seperti di **Lampiran B**. Justeru pihak tuan diingatkan supaya mematuhi syarat-syarat pembaharuan dan mengemukakan dokumen yang lengkap dalam bentuk *hardcopy* dan juga dalam bentuk digital / *scan document* dalam bentuk pdf yang di muatnaik dalam **pendrive**. **Kegagalan pihak tuan mematuhi syarat pembaharuan dan mengemukakan dokumen yang tidak lengkap akan menyebabkan permohonan lesen syarikat tidak diproses dan tidak diperbaharui**.

5. Sekiranya pihak tuan mempunyai sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada [unitagensi@moha.gov.my](mailto:unitagensi@moha.gov.my) atau dengan menghubungi Unit Agensi Persendirian, Bahagian Keselamatan, KDN di talian 03-8886 8536 / 8034 / 8321 / 8311.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MUHAMAD GHAZALI BIN MAMAT @ MANSOR)**  
Bahagian Keselamatan  
b.p: Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri

s.k:

Y.Bhg. Datuk KSU

SUB (K)

Y.Brs SUB (IT)

**Presiden**

Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM)  
Unit 715 & 716, Blok A, Tingkat 7,  
Kelana Business Centre,  
Jalan SS 7/2, Kelana Jaya,  
47301, Petaling Jaya,  
Selangor.  
No Faks : 03-7803 8691 / 7886 7246

**LAMPIRAN A****HARI BERTEMU PELANGGAN BAGI TUJUAN PEMBAHARUAN LESEN UNTUK TAHUN 2022**

<b>BIL</b>	<b>SIRI</b>	<b>TARIKH</b>	<b>MASA</b>	<b>LOKASI</b>
1.	1/2021	18-22 Okt 2021	9.00 am – 5.00 pm	Dewan Gemilang, Aras G, Kementerian Dalam Negeri, Blok D1, Kompleks D, 62546 PUTRAJAYA
2.	2/2021	1-5 Nov 2021	9.00 am – 5.00 pm	Dewan Gemilang, Aras G, Kementerian Dalam Negeri, Blok D1, Kompleks D, 62546 PUTRAJAYA
3.	3/2021	15 – 19 Nov 2021	9.00 am – 5.00 pm	Dewan Gemilang, Aras G, Kementerian Dalam Negeri, Blok D1, Kompleks D, 62546 PUTRAJAYA
4.	4/2021	29-30 Nov 2021 1-3 Dis 2021	9.00 am – 5.00 pm	Dewan Gemilang, Aras G, Kementerian Dalam Negeri, Blok D1, Kompleks D, 62546 PUTRAJAYA
5.	5/2021	13-17 Dis 2021	9.00 am – 5.00 pm	Dewan Gemilang, Aras G, Kementerian Dalam Negeri, Blok D1, Kompleks D, 62546 PUTRAJAYA
6.	6/2021	27-31 Dis 2021	9.00 am – 5.00 pm	Dewan Gemilang, Aras G, Kementerian Dalam Negeri, Blok D1, Kompleks D, 62546 PUTRAJAYA

**GARIS PANDUAN PEMBAHARUAN LESEN UNTUK MENJALANKAN URUSAN AGENSI PERSENDIRIAN BAGI TAHUN 2022**

1. **Setiap syarikat perlu mengemaskini dan menghantar maklumat-maklumat pembaharuan lesen syarikat bagi tahun 2022 secara online** melalui sistem *Electronic Security Industry Management System (eSIMS)* di pautan (<http://www.esims.moha.gov.my/>) dan mengemukakan pengesahan online bersama dokumen permohonan pembaharuan lesen.
2. Setiap permohonan pembaharuan juga hendaklah disertakan dengan **surat permohonan (cover letter)** daripada syarikat.
3. Syarikat yang telah menjelaskan bayaran caruman KWSP, PERKESO, PSMB dan bayaran cukai LHDN dan KASTAM hendaklah **mengemukakan resit rasmi dan penyata bayaran bagi tempoh Januari – Oktober 2021. Resit rasmi dan penyata bayaran yang dikemukakan mestilah jelas, terang dan mempunyai cop rasmi pihak berkenaan.**
4. Syarikat yang masih belum menjelaskan bayaran caruman KWSP, PERKESO, PSMB dan bayaran cukai LHDN dan KASTAM, **hendaklah mengemukakan surat penjelasan atau surat setuju bayaran tunggakan / ansuran daripada pihak berkenaan.**
5. Pemohon hendaklah mengemukakan Polisi Insuran mengikut kategori lesen yang hendak diperbaharui seperti berikut:
  - 5.1 Lesen 2(a) :
    - i) Professional Indemnity Insurance
    - ii) Public Liability Insurance
    - iii) Group Personal Accident Insurance
  - 5.2 Lesen 2(b) :
    - i) Professional Indemnity Insurance
    - ii) Group Personal Accident Insurance
  - 5.3 Lesen 2(a) & 2(b):
    - i) Professional Indemnity Insurance
    - ii) Public Liability Insurance
    - iii) Group Personal Accident Insurance

8. Penambah baikan modul bagi pembaharuan lesen tahun 2022 adalah seperti berikut:
  - i. Maklumat Setiausaha Syarikat (modul repositori);
  - ii. Maklumat vaksin (tarikh dan no.*batch*) (modul borang E, borang F dan borang G);dan
  - iii. Maklumat lokasi bekerja (modul borang F dan borang G).
9. Dokumen permohonan pembaharuan lesen yang telah lengkap dalam bentuk *hardcopy* dan juga dalam bentuk digital / *scan document* dalam **bentuk PDF** yang di muatnaik dalam **pendrive** hendaklah dikemukakan dalam **tempoh 4 Oktober sehingga 31 Disember 2021. Permohonan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan diproses dan lesen tidak diperbaharui.**
10. Dokumen permohonan pembaharuan lesen yang telah lengkap dalam bentuk *hardcopy* hendaklah **dibukukan (*binding*) dan disusun serta dilabel berdasarkan senarai semak.**
11. Sila kembalikan senarai semak permohonan pembaharuan lesen tahun 2022 yang telah ditandatangani oleh pengarah syarikat.